

22/09/1997

Cadangan Dr Mahathir dipandang enteng

Hafifi Hafidz; Azizi Othman in Hong Kong

HONG KONG, Ahad - Spekulator kewangan Amerika Syarikat, George Soros, hari ini berkata beliau tidak yakin kerajaan Malaysia akan melaksanakan cadangan mengharamkan urusan mata wang.

"Saya tidak yakin kerajaan Malaysia akan melaksanakan dasar ini. Ia hanya satu kenyataan yang gah yang tidak seharusnya diberi perhatian serius," Soros memberitahu satu seminar Bank Dunia di sini.

Menurutnya, cadangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu akan membawa akibat yang buruk.

Beliau menyifatkan cadangan dibuat Dr Mahathir semalam itu sebagai mencampuri urusan tukar-menukar modal dan ini adalah 'rencah-rencah kehancuran'.

Pada masa yang sama, Soros melancarkan serangan balas terhadap Dr Mahathir yang dalam beberapa minggu lalu menuduhnya sebagai seorang spekulator penyangak yang bertanggungjawab bagi kejatuhan nilai mata wang negara-negara Asia Tenggara, terutama Baht Thailand dan Ringgit Malaysia.

Tokoh kewangan kelahiran Hungary itu yang menguasai dana pelaburan bernilai beratus bilion dolar juga menafikan sekerasnya dakwaan Dr Mahathir itu dengan berkata dia telah digunakan sebagai 'pelepas yang selesa' kerana kegagalan dasar-dasar ekonomi domestik Malaysia sendiri.

"Saya menjadi mangsa segala bentuk tuduhan palsu dan memalukan oleh Dr Mahathir. Beliau menggunakan saya sebagai pelepas untuk melindungi kegagalan beliau sendiri," katanya.

Soros berkata, Dr Mahathir bersandiwara di khalayak domestik dan menyalahkan pihak media Malaysia yang 'dikuasai kerajaan' sebagai menindas kebebasan maklumat.

Tokoh kewangan yang lincah bergerak itu yang pernah dicap sebagai dungu oleh Dr Mahathir membalas dengan berkata: "Dr Mahathir ialah seorang pengacau dalam negaranya sendiri."

Kemudian di satu sidang akhbar yang penuh sesak yang diatitkan oleh Bank Dunia, Soros ditanya mengapa dia berfikir dia menjadi sasaran serangan Dr Mahathir.

Soros percaya ini kerana Dr Mahathir mengagung-agungkan nilai-nilai Asia yang menurutnya bercanggah dengan falsafahnya (Soros) mengenai masyarakat terbuka.

"Jadi saya ingat saya sudah menjadi pelepasnya yang selesa. Saya tidakpun menjual sebarang ringgit dalam masa dua bulan sebelum krisis berlaku. Tetapi yang nyata kedudukan kami tidak cukup besar untuk menjejaskan pasaran. Sebaliknya ringgit tidak akan jatuh seteruk yang berlaku," katanya.

(END)